



LOKASI
TRAK BERGERAK
(MAKANAN, BARANGAN & PERKHIDMATAN)



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil

LOKASI DAN JUMLAH PETAK SMART TRAK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BIL	LOKASI TAPAK	JUMLAH PETAK
1.	Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya. (Berhadapan Pasaraya Tong Woh)	1 Petak
2.	Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya . (Tepi Pasaraya Tong Woh)	3 Petak
3.	Tasik Taman Jaya	2 Petak
4.	Jalan Seksyen 14/19, Seksyen 14 Petaling Jaya	11 Petak
5.	Jalan SS2/60, Petaling Jaya (Berhadapan Balai Polis Seapark)	2 Petak
6.	Jalan SS9A/12, Petaling Jaya	3 Petak
7.	Jalan SS6/3, Kelana Jaya	8 Petak
8.	Taman Bandaran Kelana Jaya Petaling Jaya	4 Petak
9.	Jalan SS21/60, Petaling Jaya.	1 Petak
10.	Jalan SS 21/58, Damansara Utama, Petaling Jaya (Hadapan RHB Bank)	1 Petak
11.	Jalan SS 21/35, Damansara Utama, Petaling Jaya (Hadapan AM Bank)	2 Petak
12.	Jalan SS 21/37, Damansara Utama, Petaling Jaya (Hadapan Family Mart)	2 Petak
13.	Jalan SS24/13, Taman Megah	2 Petak
14.	Padang Kota, Jalan PJU 5, Kota Damansara	2 Petak
15.	Jalan PJU 5/21, Kota Damansara	1 Petak
16.	Jalan PJU 8/5F Damansara Perdana, Petaling Jaya.	2 Petak
17.	Taman Rimba Riang, Kota Damansara Petaling Jaya.	3 Petak

BIL	LOKASI TAPAK	JUMLAH PETAK
18.	Jalan 51A/223, Seksyen 51A Petaling Jaya. (Hadapan Bangunan Axis)	4 Petak
19.	Jalan 51A/219, Seksyen 51A Petaling Jaya. (Hadapan Wisma Sport Direct)	4 Petak
20.	Jalan PJU 5/11, Dataran Sunway Kota Damansara (Hadapan TK Bakery)(Tapak Baru)	1 petak
21.	Jalan PJU 5/17, Kota Damansara (hadapan Al Rajhi Bank) (Tapak Baru)	1 petak
22.	Tempat Letak Kereta, Stesyen Hab Bas Jalan Othman, Petaling Jaya (Tapak Baru)	10 petak
	JUMLAH PETAK	70



GARIS PANDUAN

TRAK BERGERAK

(MAKANAN, BARANGAN & PERKHIDMATAN)



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil

SYARAT- SYARAT AM (TRAK BERGERAK)

1. Perniagaan Trak Makanan, Barang & Perkhidmatan ialah apa-apa kenderaan sama ada dipandu sendiri, atau ditunda yang digunakan untuk tujuan perniagaan makanan atau perkhidmatan atau barang yang mendapat kebenaran pihak Majlis.
2. **Perniagaan Trak makanan** digunakan untuk penyediaan, makanan bermasak di tapak dan penjualan apa – apa makanan yang siap dibungkus di tempat lain.
3. **Perniagaan Trak Barang & Perkhidmatan** digunakan untuk tujuan apa-apa perkhidmatan atau barang yang diluluskan oleh pihak Majlis.
4. Kesemua **Perniagaan Trak Makanan, Barang & Perkhidmatan** dibenarkan untuk beroperasi di kawasan yang telah diluluskan oleh pihak Majlis.
5. Kriteria kelulusan yang digunakan di dalam penilaian Perniagaan **Trak Makanan, Barang & Perkhidmatan** adalah termasuk peruntukan yang disebut diperkara 5 garis panduan ini.
6. Pihak Berkuasa Melesen ialah pegawai yang diberi kuasa oleh Datuk Bandar/Yang Dipertua untuk mengeluarkan permit Perniagaan Trak Makanan, Barang & Perkhidmatan.

1. KATEGORI PERMIT

1.1 KATEGORI 1

(PERMIT UNTUK KELULUSAN PERSENDIRIAN)

- 1.1.1 Permit di atas nama individu/ Pendaftaran Perniagaan Pemilikan Tunggal/Perkongsian (ROB).
- 1.1.2 Lokasi di tanah awam dan persendirian.

1.2 KATEGORI 2

(PERMIT KELULUSAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN DAN SYARIKAT)

- 1.2.1 Permit di atas nama PERNIAGAAN dan SYARIKAT.
- 1.2.2 Lokasi di tanah persendirian SAHAJA.

2. KATEGORI PERMIT

2.1 KATEGORI 1 (TRAK MAKANAN)

2.1.1 Menjual makanan dan minuman yang diluluskan oleh pihak Majlis.

2.2 KATEGORI 2 (TRAK MENJUAL BARANGAN, PERKHIDMATAN)

2.2.1 Menjual barang dan perkhidmatan yang diluluskan oleh pihak Majlis.

3. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PERMIT

3.1 Dokumen yang perlu dilampirkan semasa menghantar borang permohonan tapak perniagaan:-

- a. Pendaftaran Perniagaan.
- b. Salinan Mykad. (Kad Pengenalan Malaysia).
- c. Kertas kerja yang menerangkan konsep jualan.
- d. Lokasi yang dipilih.

3.2 Dokumen yang perlu dilampirkan semasa permohonan dalam pertimbangan kelulusan:-

- a. Polisi insurans perniagaan untuk pelanggan.
- b. Dokumen pelalian anti Tifoid bagi semua pekerja.
- c. Sijil Pengendalian Makanan yang diiktiraf oleh Akademi Latihan Kebersihan dan Keselamatan Makanan (ALKEM).
- d. Laporan pemeriksaan kesihatan pekerja.
- e. Salinan Surat Hak Milik Kenderaan atas nama pemohon. (Jika Surat Hak Milik Kenderaan di atas nama orang lain, perlu dikemukakan perjanjian/surat kebenaran.)
- f. Sijil Pemeriksaan PUSPAKOM yang masih sah tempoh.
- g. Senarai nama pekerja dan bilangan pekerja.
- h. Permohonan persijilan halal (jika berkaitan)
- i. Senarai penggunaan bahan / material kitar semula (jika berkaitan)

4. SYARAT-SYARAT PERMIT

- 4.1 Permit dikeluarkan oleh Majlis berdasarkan satu permit bagi satu kenderaan.
- 4.2 Permit yang dikeluarkan oleh Pihak majlis adalah mengikut lokasi perniagaan yang telah ditetapkan dan diluluskan.
- 4.3 Perniagaan hendaklah dijalankan oleh pemegang permit sendiri dan di lokasi yang telah diluluskan sahaja.
- 4.4 Tidak dibenarkan mendirikan apa-apa struktur binaan di tapak perniagaan.
- 4.5 Pelekat akan diberikan kepada kesemua Perniagaan Trak Makanan, Barang & Perkhidmatan apabila kelulusan telah dikeluarkan. Pelekat trak makanan dan perniagaan dibezakan melalui reka bentuk dan warna pelekat.
- 4.6 Pelekat wajib ditampal pada badan kenderaan di mana ianya boleh dilihat dengan jelas oleh pelanggan dan agensi penguatkuasaan dan ianya tidak boleh ditanggalkan sehingga tarikh luput ataupun sehingga kelulusan ditarik semula.
- 4.7 Setiap perubahan reka bentuk kenderaan perlulah mendapat pengesahan daripada Pihak Majlis.
- 4.8 Setiap perubahan pelan perniagaan mestilah diberitahu secara bertulis kepada pihak majlis dan akan dikenakan fi pemprosesan.
- 4.9 Kelulusan hanyalah untuk kenderaan yang didaftarkan sahaja dan tidak boleh dipindah milik untuk kenderaan lain.
- 4.10 Pindah milik permit adalah tidak dibenarkan.
- 4.11 Kelulusan adalah tertakluk kepada mana-mana syarat tambahan yang ditetapkan dalam garis panduan ini.
- 4.12 Permohonan pembaharuan permit perlulah dibuat 30 hari sebelum tarikh permit tamat berserta surat pemeriksaan PUSPAKOM terkini yang masih sah semasa permohonan.
- 4.13 Majlis berhak membatalkan permit berkenaan jika peniaga gagal menjalankan perniagaan selama tempoh 3 bulan berturut-turut.
- 4.14 Peniaga adalah diwajibkan untuk menggunakan pembungkusan makanan biodigradasi sahaja. Penggunaan polisterin adalah dilarang sama sekali.
- 4.15 Peniaga wajib memaklumkan kepada Pihak Berkuaasa Melesen melalui surat ataupun e-mel sekiranya telah memulakan operasi perniagaan untuk kali pertama atau menamatkan perniagaan.

5. PANEL PENILAI & LARANGAN

5.1 PANEL PENILAI (TERTAKLUK KEPADA KEPERLUAN PBT)

5.1 Panel penilai adalah dikehendaki untuk membuat penilaian permohonan berdasarkan kriteria berikut:-

- Menilai konsep / kertas cadangan.
- Menilai reka bentuk awal kenderaan.
- Menilai menu makanan / barang / perkhidmatan.
- Menentukan lokasi.
- Menilai permohonan.
- dan lain – lain perkara yang dirasakan perlu.

6. LARANGAN

6.1 Jualan minuman beralkohol

- Jualan minuman jenis beralkohol walaupun secara sampingan tidak dibenarkan.

6.2 Kerusi dan meja untuk pelanggan

- Pemasangan kerusi dan meja untuk pelanggan adalah tidak dibenarkan sama sekali.

7. KAWASAN OPERASI

- 7.1 Lokasi-lokasi yang dibenarkan untuk menjalankan Perniagaan Trak Makanan, Barang & Perkhidmatan **ADALAH TERTAKLUK KEPADA Pihak Berkuasa Tempatan.**
- 7.2 Pihak **MAJLIS** boleh menambah / mengurang atau membatalkan lokasi Perniagaan Trak Makanan, Barang & Perkhidmatan yang disenaraikan di dalam jadual tersebut tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- 7.3 **Petak parkir sedia ada yang dikhaskan untuk digunakan sebagai lokasi Perniagaan Trak Makanan, Barang & Perkhidmatan.**
- 7.4 Kriteria lokasi yang ditetapkan oleh semua pihak berkuasa tempatan hendaklah mempunyai ciri-ciri serta pertimbangan seperti berikut:-
 - 7.4.1 Tidak menimbulkan kacau ganggu pada masa kini dan masa hadapan.
 - 7.4.2 Mempunyai akses dengan pengangkutan awam.
 - 7.4.3 Berada di luar lingkungan 9 meter dari persimpangan jalan dan 3.6 meter dari pili bomba.
 - 7.4.4 Lokasi hendaklah berada di luar lingkungan 1 kilometer dari premis makanan dan pusat penjaja berhampiran.
 - 7.4.5 Lokasi yang melibatkan penggunaan kaki lima atau laluan pejalan kaki awam adalah tidak dibenarkan melainkan dibenarkan secara bertulis oleh Pihak Berkuasa Melesen.
 - 7.4.6 Perniagaan yang hendak dijalankan di dalam kawasan perumahan berstrata, pejabat-pejabat kerajaan dan persendirian, pemohon perlu mendapatkan kebenaran secara bertulis dari pihak-pihak berkenaan sebelum permohonan dikemukakan.
 - 7.4.7 Tidak mengganggu aliran trafik dan lalu lintas.
 - 7.4.8 Menyediakan papan tanda khas bagi penempatan trak makanan, barang dan perkhidmatan serta ditandakan mengikut keluasan maksimum kenderaan.
- 7.5 **Kawasan larangan perniagaan trak makanan, barang dan perkhidmatan adalah seperti berikut:-**
 - 7.5.1 Sekitar kawasan sekolah.
 - 7.5.2 Berhampiran rumah ibadat.
 - 7.5.3 Simpang jalan utama dan lampu isyarat.
 - 7.5.4 Utiliti seperti pili bomba, telefon awam dan lain-lain.

8. WAKTU OPERASI

8.1 Waktu operasi bagi Perniagaan Trak Makanan, Barang dan Perkhidmatan adalah dikhaskan untuk waktu berikut :

Bil.	Sesi	Masa	Tempoh
1.	Sesi I	6.00 Paggi – 10.00 Paggi	4 JAM (minima dan maksima)
2.	Sesi II	11.00 Paggi – 3.00 Petang	4 JAM (minima dan maksima)
3.	Sesi III	5.00 Petang – 2.00 Paggi	4 JAM (minima) 9 JAM (maksima)
4.	Waktu Operasi Pesta Karnival	7.00 Paggi – 1 Paggi	1 HARI

(Jadual 1 : Waktu Operasi)

8.2 Majlis boleh menentukan waktu perniagaan mengikut kesesuaian dan keperluan semasa.

8.3 Waktu perniagaan akan dipaparkan di papan tanda khas yang terdapat di lokasi perniagaan.

9. PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

- 9.1 Pihak berkuasa melesen atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa boleh mengambil tindakan sekiranya terdapat pelanggaran syarat seperti yang dinyatakan di dalam garis panduan ini.
- 9.2 Pematuhan kepada syarat-syarat permit yang ditetapkan oleh MAJLIS:
 - 9.2.1 Pemeriksaan permit perniagaan.
 - 9.2.2 Waktu perniagaan.
 - 9.2.3 Permit perlu dipamerkan.
 - 9.2.4 Lokasi perniagaan.
 - 9.2.5 Aspek kebersihan dan kesihatan.
 - 9.2.6 Halangan dan kacau ganggu.
 - 9.2.7 Menjalankan perniagaan di dalam petak yang diluluskan sahaja.
 - 9.2.8 Lain-lain syarat-syarat yang dikenakan dari semasa ke semasa.

10. KADAR FI SMART TRAK SELANGOR

10.1 Tapak awam

10.1.1 Perkiraan Kadar fi tapak awam adalah seperti berikut :-

KADAR FI	SEWA PETAK	TEMPOH
RM 2.00 (RM 0.50 x 4 Jam)	RM 3.20 (RM 0.80 x 4 Jam)	4 Jam

Jadual 2 : Kadar bagi 1 Sesi

10.2 Kadar fi berdasarkan setiap model hari, lokasi dan sesi

Trak	Model Hari, Lokasi dan Sesi	Bil. sesi sebulan	Fi permit (bulanan) RM	Sewa (bulanan) RM	Caj Sampah (bulanan) RM	Jumlah bulanan perlu dibayar (Tapak Awam) RM
A	Setiap Hari + Lokasi Sama + Sesi Sama	30 (1 sesi setiap hari)	60.00 (30 sesi x RM 2.00)	96.00 (30 sesi x RM 3.20)	120.00	276.00 (fi permit + sewa bulanan+ caj sampah)
B	Setiap Hari + Lokasi Berbeza + Sesi Berbeza	90 3 sesi setiap hari	180.00	288.00	120.00	588.00
C	Setiap Hari + Lokasi Berbeza + Sesi Sama	30	60.00	96.00	120.00	276.00
D	1-6 Kali Seminggu + Lokasi Berbeza + Sesi Berbeza	4 ke 24	8.00 hingga 48.00	13.00 hingga 154.00	120.00	141.00 hingga 322.00
E	1-6 Kali Seminggu + Lokasi Bebeza + Sesi Sama	4 ke 24	8.00 hingga 48.00	13.00 hingga 154.00	120.00	141.00 hingga 322.00

(Jadual 3: Kadar Fi)

10.2.1 Bagi sesi malam yang melebihi 4 Jam, caj tambahan pada kadar RM 1.30 akan dikenakan bagi setiap tambahan 1 jam.

10. KADAR FI SMART TRAK SELANGOR

10.3 Tapak persendirian

10.3.1 Kadar fi tapak persendirian adalah seperti berikut :

Trak	Model Hari, Lokasi Dan Sesi	Bil. Sesi Sebulan	Fi Permit (Bulanan) Rm	Caj Sampah (Bulanan) Rm	Jumlah Bulanan Perlu Dibayar (Tapak Persendirian) Rm
A	Setiap Hari + Lokasi Sama + Sesi Sama	30 1 sesi setiap hari	60.00 (30 sesi x RM 2.00)	120.00	180.00 (fi permit + caj sampah)
B	Setiap Hari + Lokasi Berbeza + Sesi Berbeza	90 3 sesi setiap hari	180.00	120.00	300.00
C	Setiap Hari + Lokasi Berbeza + Sesi Sama	30	60.00	120.00	180.00
D	1-6 Kali Seminggu + Lokasi Berbeza + Sesi Berbeza	4 ke 24	8.00 hingga 48.00	120.00	128.00 hingga 168.00
E	1-6 Kali Seminggu + Lokasi Bebeza + Sesi Sama	4 ke 24	8.00 hingga 48.00	120.00	128.00 hingga 168.00

(Jadual 4: Kadar Fi)

* Jadual kadar fi diatas adalah hasil perbincangan daripada Mesyuarat Pelaksanaan Garis Panduan Perniagaan Trak Bergerak (Makanan, Barang dan Perkhidmatan) Di Negeri Selangor yang bertarikh 13 Julai 2016, 2.30 petang bertempat di Bilik Mesyuarat Kekwa, Tingkat 5, Seksyen Sektoral UPEN, Bangunan SSAAS.

10.3.2 Bagi sesi malam yang melebihi 4 Jam (waktu minimum), caj tambahan pada kadar RM 0.50 akan dikenakan bagi setiap tambahan 1 jam.

10.4 Tapak Karnival, Pesta

KADAR FI	JUSTIFIKASI	RUJUKAN
RM 20.00 SEHARI / TRAK	Bersamaan dengan pengiraan kadar harian permit sementara tred sedia ada iaitu RM 20.00 sehari bagi setiap unit gerai	Jadual Keempat, Perenggan 5, EHDTTH 1995

(Jadual 5: Kadar Fi bagi tapak karnival)

10.4.1 Kadar fi yang telah dibayar tidak akan dikembalikan.

11. KEBERSIHAN

11.1 Sampah dan Material Kitar Semula

- 11.1.1 Peniaga adalah diwajibkan menyediakan tong sampah bertutup yang bersesuaian dengan operasi menu makanan dan tong sampah berkenaan hendaklah sentiasa berada di atas kenderaan.
- 11.1.2 Peniaga adalah diwajibkan menyediakan tong sampah di luar kenderaan untuk kegunaan pelanggan membuang bungkusan makanan yang telah dimakan.
- 11.1.3 Sampah yang dihasilkan tidak boleh dilupuskan di tong sampah awam (tong sampah persendirian milik premis).
- 11.1.4 Peniaga adalah digalakkan melakukan kitar semula bahan buangan.

11.2 Pengurusan Sisa dan Sisa Kitar Semula

- 11.2.1 Peniaga Perniagaan Trak Makanan, Barang & Perkhidmatan adalah bertanggungjawab terhadap sisa buangan hasil daripada operasi perniagaan mereka. Sampah seperti bekas dan plastik pembungkusan makanan mestilah dilupuskan sendiri.
- 11.2.2 Tidak dibenarkan meninggalkan apa-apa sampah di lokasi perniagaan. Semua sampah hendaklah dilupuskan oleh peniaga.
- 11.2.3 Kawasan perniagaan hendaklah berada dalam keadaan kemas dan bersih selepas setiap sesi perniagaan.
- 11.2.4 Tiada apa-apa bahan buangan cecair boleh dilepaskan ke atas tanah ataupun ke dalam longkang di tapak perniagaan.
- 11.2.5 Pelan pembuangan sampah dan pengurusan sisa cecair mestilah dihantar semasa menghantar borang permohonan.

12. KACAU GANGGU

12.1 Haiwan

- 12.1.1 Peniaga bertanggungjawab dengan apa-apa cara yang bersesuaian untuk menghalang haiwan serangga dan unggas seperti lalat, nyamuk semut dan burung daripada memasuki kenderaan.
- 12.1.2 Tiada seekor haiwan pun yang dibenarkan masuk ke dalam kenderaan sama ada ketika kenderaan itu sedang beroperasi atau tidak beroperasi.

12.2 Pencemaran Bunyi, Air dan Udara

- 12.2.1 Pencemaran bunyi, air dan udara perlulah mengikut standard yang dibenarkan oleh Akta Alam Sekitar.
- 12.2.2 Sekiranya terdapat aduan mengenai kacau ganggu oleh mana-mana pegawai yang berkelayakan, pegawai majlis boleh mengarahkan operator untuk menghentikan perniagaan ataupun mengurangkan punca-punca yang menyebabkan kacau ganggu berkenaan.
- 12.2.3 Sekiranya didapati pada sesuatu masa trak perniagaan menghasilkan bunyi yang menimbulkan kacau ganggu, pegawai penguat kuasa boleh mengarahkan supaya trak berkenaan beredar ataupun menyuruh aktiviti yang menghasilkan bunyi tersebut dihentikan.
- 12.2.4 Generator haruslah daripada jenis senyap seperti yang diluluskan oleh pihak berkuasa melesen.

13. Pengawalan Pencemaran

- 13.1 Operator haruslah mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) yang mengandungi peraturan mengenai pencemaran bunyi, air, dan udara.

14. TANGGUNGJAWAB PENIAGA

14.1 Trak Makanan

- Setiap pengendali makanan wajib menjual makanan yang selamat dan sesuai dimakan selaras dengan keperluan di dalam Akta Makanan dan Undang-Undang Kecil Establisymen makanan sedia ada.

14.2 Trak Barang dan Perkhidmatan

- Setiap peniaga hendaklah memastikan barang jualan dan perkhidmatan yang diluluskan oleh pihak Majlis. Kegagalan mematuhi syarat – syarat seperti yang termaktub dalam akta dan undang – undang di atas membolehkan tindakan pendakwaan diambil berdasarkan peraturan di bawah Akta dan undang-undang berkenaan.

1. Keperluan Minima

- 1.1 Susun atur reka bentuk kenderaan Perniagaan Trak Makanan, Barang & Perkhidmatan hendaklah dirancang dengan teliti dan haruslah mengambil kira pelbagai elemen penting bagi memastikan kecekapan operasi. Asas susun atur dan pembinaan kenderaan hendaklah mengambil kira aliran kerja yang selamat bagi meminimumkan risiko pencemaran.

1.1.1 Trak Makanan

Proses-proses pengendalian makanan tertentu hendaklah diasangkan seperti:


- 1.1.1.1 Tempat mencuci tangan.
- 1.1.1.2 Tempat membasuh (Singki berkembar).
- 1.1.1.3 Kawasan penyediaan makanan.
- 1.1.1.4 Fasiliti memasak.
- 1.1.1.5 Mempunyai tangki simpanan air bersih.
- 1.1.1.6 Mempunyai tangki simpanan air kotor.
- 1.1.1.7 Mempunyai Perangkap Minyak.
- 1.1.1.8 Mempunyai Kipas Ekzos.
- 1.1.1.9 Ruang pengudaraan yang mencukupi.
- 1.1.1.10 Kadar pencahayaan yang mencukupi.
- 1.1.1.11 Lantai kenderaan hendaklah dibuat dari material tahan lasak, tidak licin, tahan karat, mudah dicuci dan boleh menampung operasi kerja berat sesuai dengan aktiviti memasak.

1.1.2 Trak Barang dan Perkhidmatan

- 1.1.2.1 Ruang pengudaraan yang mencukupi.
- 1.1.2.2 Kadar pencahayaan yang mencukupi.
- 1.1.2.3 Lantai kenderaan hendaklah dibuat dari material tahan lasak, tidak licin, tahan karat, mudah dicuci dan boleh menampung operasi kerja berat sesuai dengan aktiviti perniagaan.

2. REKABENTUK KENDERAAN

PANDANGAN HADAPAN




PANDANGAN KIRI




2. REKABENTUK KENDERAAN

PANDANGAN KANAN



PANDANGAN HADAPAN



3. REKABENTUK PAPAN TANDA LOKASI TRAK



4. REKABENTUK KEPERLUAN DALAMAN KENDERAAN



- Lantai kenderaan hendaklah dibuat dari material lasak, tidak licin, tahan karat, mudah dicuci dan boleh menampung operasi kerja berat.

REKABENTUK KEPERLUAN DALAMAN KENDERAAN


Spesifikasi Trak Makanan, Barang dan Perkhidmatan lantai Kenderaan



Mempunyai pintu yang kedap pada trak makanan , barang atau perkhidmatan.

Mempunyai cermin Tingkap yang kedap pada trak makanan, barang atau perkhidmatan bagi mengelakkan pencemaran dan sebagainya.

Siling mestilah dalam keadaan bersih dan sempurna.



Perlu menyediakan corong asap pada pengendali trak makanan.

Menyediakan sinki tempat membasuh dan tempat membasuh tangan dan reka bentuk tangki air yang mencukupi untuk simpanan air.

Memasang perangkap minyak pada trak makanan khusus pada pengendali makanan .

1.0 Premis Makanan

Tanpa mengecualikan keperluan – keperluan khas yang terdapat di Akta Makanan 1993 dan Undang – Undang Kecil Establisemen Makanan 2007, keperluan am bagi reka bentuk, dan operasi kenderaan Perniagaan Makanan Bergerak adalah seperti berikut :-

1. Susun Atur dan Pembinaan Kenderaan

Susun atur dan pembinaan Kenderaan Perniagaan Makanan bergerak mestilah:

- a. Bersesuaian dengan jenis menu makanan dan aktiviti penyediaan makanan yang hendak dijalankan.
- b. Mempunyai ruangan yang mencukupi untuk semua aktiviti dan semua penggunaan serta penyimpanan peralatan.
- c. Memudahkan proses pembersihan peralatan.
- d. Boleh mengelakkan kemasukan haiwan pembawa penyakit, debu, bau, asap dan lain-lain bahan pencemar.
- e. Tidak mempunyai ruang yang menggalakkan haiwan perosak untuk hidup serta membiak di dalam kenderaan.

2. Singki, Tempat Membasuh dan Tempat Membasuh Tangan

- 2.1 Satu tempat membasuh tangan yang sesuai hendaklah disediakan.
- 2.2 Reka bentuk kenderaan mestilah membolehkan tangki simpanan air bersih dimuatkan pada kadar yang mencukupi.
- 2.3 Semua singki perlulah dilengkapi dengan perangkap sanitari.
- 2.4 Saiz singki membasuh tangan hendaklah bersesuaian untuk aktiviti membasuh tangan dan tidak terlalu kecil. Singki juga hendaklah dipasang pada ketinggian yang sesuai.

3. Saluran Paip dan Pendawaian

- 3.1 Saluran paip dan pendawaian hendaklah disembunyikan di belakang dinding, siling dan lantai.
- 3.2 Paip-paip dan pendawaian ini tidak boleh diletakkan di laluan pergerakan peralatan dan perabot.

C) SYARAT-SYARAT KHAS (MAKANAN)

4. Sumber Air

- 4.1 Kenderaan mestilah mempunyai bekalan air bersih secukupnya yang disimpan di dalam bekas simpanan air gred makanan dan tidak tercemar bagi tujuan penyediaan makanan, membasuh tangan dan pembersihan peralatan.
- 4.2 Kenderaan mestilah dilengkapi dengan tangki simpanan air buangan dengan kapasiti simpanan yang mencukupi. Ruangan tangki simpanan ini haruslah mempunyai lebihan ruang bagi menampung sisa buangan lain yang dibuang bersama-sama air buangan.
- 4.3 Pelupusan sisa cecair yang dihasilkan oleh kenderaan ini haruslah dibuat menerusi sistem kumbahan (dan melalui perangkap minyak dan makanan jika diperlukan) atau atas apa-apa cara yang ditentukan oleh Pegawai Kesihatan. Cara buangan dan lokasi buangan juga hendaklah dinyatakan di dalam borang permohonan.

5. Peralatan

- 5.1 Perlu memastikan kebersihan kesemua peralatan pada setiap masa. Peralatan perlulah disusun dengan kemas dan teratur bagi memudahkan kerja pembersihan.
- 5.2 Kesemua peralatan hendaklah berada dalam keadaan baik dan berfungsi.
- 5.3 Bekas-bekas makanan dan peralatan yang digunakan mestilah selamat untuk mengendali makanan panas pada suhu 60 darjah Celsius ke atas dan suhu 5 darjah Celsius ke bawah. Penggunaan bekas plastik mestilah daripada jenis 'gred makanan'.

6. Pemasangan Peralatan

- 6.1 Pemasangan apa-apa peralatan kepada siling, dinding ataupun lantai hendaklah dibuat dengan cara yang tidak merosakkan permukaan siling, dinding ataupun lantai tersebut.

7. Termometer

- 7.1 Termometer pada alat penyejuk beku mestilah tepat kepada + - 1 darjah Celsius bagi mengelakkan kerosakan makanan.

8. Ruang Pengudaraan

- 8.1 Kabin memasak perlulah mempunyai ruang pengudaraan yang baik sepanjang masa. Kipas ekzos hendaklah dipasang menghala ke atas menerusi siling kabin.
- 8.2 Alat penapis udara perlulah dipasang untuk memastikan kekotoran tidak terperangkap ke dalam saluran kipas ekzos.
- 8.3 Alat pengudaraan berkenaan mestilah sentiasa dibersihkan dan beroperasi dengan baik.

9. Pencahayaan

- 9.1 Lampu yang dipasang di kenderaan mestilah tidak mengganggu keadaan sekeliling dan keadaan trafik di jalan raya.
- 9.2 Penggunaan lampu ketika kenderaan bergerak perlulah mematuhi syarat JPJ.

10. Dimensi Trak

- 10.1 Saiz dimensi trak mestilah mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

11. Lantai Kenderaan

- 11.1 Lantai kenderaan hendaklah dibuat dari material tahan lasak, tidak licin, tahan karat, mudah dicuci dan boleh menampung operasi kerja berat sesuai dengan aktiviti perniagaan.

12. Pelapik Perabot dan Peralatan

- 12.1 Pelapik perabot boleh digunakan untuk memegang peralatan berat yang sukar untuk dialihkan bagi kerja – kerja pembersihan contohnya seperti peti sejuk.
- 12.2 Pelapik perabot dan peralatan hendaklah dibuat daripada material yang kukuh sama seperti lantai dapur dan sekurang – kurangnya mempunyai ketinggian 100mm.
- 12.3 Permukaan bawah pelapik hendaklah dilekatkan pada lantai bagi mengelakkan air memasuki ruangan di bawah pelapik.

C) SYARAT-SYARAT KHAS (MAKANAN)

13. Dinding Kenderaan

- 13.1 Dinding kenderaan hendaklah dibuat daripada material yang sesuai dengan aktiviti makanan dan mudah dibersihkan. Permukaan berkilat dan kalis air adalah digalakkan.
- 13.2 Dinding di ruang penyediaan makanan hendaklah menggunakan bahan yang sesuai seperti :
 - 13.2.1 'Stainless Steel'
 - 13.2.2 Acrylic
 - 13.2.3 Polyvinyl
- 13.3 Apa-apa bahan lain yang dibenarkan oleh Pegawai Kesihatan dan pihak berkuasa melesen.
Aksesori hiasan yang tidak berkaitan tidak dibenarkan berada di dalam kenderaan.

14. Siling Kenderaan

- 14.1 Ketinggian siling hendaklah bersesuaian untuk menjalankan aktiviti perniagaan.
- 14.2 Siling mestilah sentiasa dalam keadaan bersih dan sempurna bagi mengelakkan pencemaran.
- 14.3 Siling mestilah dibuat daripada material yang senang untuk dibersihkan.
- 14.4 Siling mestilah bebas daripada kerosakan seperti karat, lubang dan celah sambungan terbuka.
- 14.5 Sambungan antara siling dan dinding hendaklah dibuat secara kemas dan kalis habuk.

15. Pintu dan Tingkap Kenderaan

- 15.1 Pintu dan tingkap hendaklah dipasang secara kedap (di mana ianya bersesuaian) bagi mengelakkan kemasukan debu, serangga perosak dan pencemaran lain.
- 15.2 Engsel pintu dan tingkap hendaklah dibuat daripada material berkualiti yang sama dengan kualiti material dinding dan lantai.

16. Penyelenggaraan Kenderaan

- 16.1 Kenderaan hendaklah di selenggara dengan baik daripada segi kebersihan dan operasi dengan memastikan tiada kekotoran, bau dan lain pencemaran pada kenderaan.
- 16.2 Kenderaan perlu menjalani pemeriksaan berkala (6 bulan sekali) di PUSPAKOM.

17. Pemeriksaan Kenderaan

- 17.1 Setiap pemilik perniagaan bergerak mestilah menghantar kenderaan untuk diperiksa daripada aspek kesihatan dan keselamatan sebelum diluluskan dari masa ke semasa seperti yang dikehendaki oleh pihak Majlis. Temu janji pemeriksaan perlulah dibuat kepada Pihak Berkuasa Tempatan Majlis.
- 17.2 Pemeriksaan rawak akan diadakan oleh Pegawai-Pegawai majlis dari masa ke semasa.

18. Iklan

18.1 Penggunaan Logo Halal

- 18.1.1 Penggunaan logo halal mestilah mendapat pengesahan daripada JAKIM, MAIS atau pihak berkuasa yang berkenaan.

18.2 Iklan pada badan kenderaan

- 18.2.1 Hanya iklan yang berkaitan perniagaan yang dipermitkan sahaja di benar dipaparkan di badan kenderaan, walaupun untuk maksud sementara bagi tujuan promosi, pengiklanan pihak ketiga ataupun penajaan korporat.
- 18.2.2 Mana-mana operator yang hendak berbuat demikian perlulah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa melesen dan JPJ.
- 18.2.3 Iklan yang tidak berkaitan dengan aktiviti Perniagaan Trak Makanan, Barang & Perkhidmatan adalah tidak dibenarkan sama sekali.

D) SYARAT-SYARAT KHAS (BARANGAN/PERKHIDMATAN)

1. Ruang Pengudaraan

- 1.1 Kabin perlulah mempunyai ruang pengudaraan yang baik sepanjang masa.
- 1.2 Syarat-syarat tambahan adalah di bawah bidang kuasa pihak majlis.

2. Pencahayaan

- 2.1 Lampu yang dipasang di kenderaan mestilah tidak mengganggu keadaan sekeliling dan keadaan trafik di jalan raya.
- 2.2 Penggunaan lampu ketika kenderaan bergerak perlulah mematuhi syarat JPJ.

3. Dimensi Trak

- 3.1 Saiz dimensi trak mestilah mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

4. Lantai Kenderaan

- 4.1 Lantai kenderaan hendaklah dibuat dari material tahan lasak, tidak licin, tahan karat, mudah dicuci dan boleh menampung operasi kerja berat sesuai dengan aktiviti perniagaan.

5. Pelapik Perabot dan Peralatan

- 5.1 Pelapik perabot boleh digunakan untuk memegang peralatan berat yang sukar untuk dialihkan bagi kerja – kerja pembersihan.
- 5.2 Pelapik perabot dan peralatan hendaklah dibuat daripada material yang kukuh sama seperti lantai dan sekurang – kurangnya mempunyai ketinggian 100mm.
- 5.3 Permukaan bawah pelapik hendaklah dilekatkan pada lantai bagi mengelakkan air memasuki ruangan di bawah pelapik.

6. Dinding Kenderaan

- 6.1 Dinding kenderaan hendaklah dibuat daripada material yang sesuai dengan aktiviti/jenis perniagaan dan mudah dibersihkan.
- 6.2 6.2. Apa-apa bahan lain yang dibenarkan oleh Pihak Majlis.

7. Siling Kenderaan

- 7.1 Ketinggian siling hendaklah bersesuaian untuk menjalankan aktiviti perniagaan.
- 7.2 Siling mestilah sentiasa dalam keadaan bersih dan sempurna bagi mengelakkan pencemaran.
- 7.3 Siling mestilah dibuat daripada material yang senang untuk dibersihkan.
- 7.4 Siling mestilah bebas daripada kerosakan seperti karat, lubang dan celah sambungan terbuka.
- 7.5 Sambungan antara siling dan dinding hendaklah dibuat secara kemas dan kalis habuk.

D) SYARAT-SYARAT KHAS (BARANGAN/PERKHIDMATAN)

8. Pintu dan Tingkap Kenderaan

- 8.1 Pintu dan tingkap hendaklah dipasang secara kedap (dimana ia bersesuaian) bagi mengelakkan kemasukan debu, serangga perosak dan pencemaran lain.
- 8.2 Engsel pintu dan tingkap hendaklah dibuat daripada material berkualiti yang sama dengan kualiti material dinding dan lantai.

9. Saluran Paip dan Pendawaian

- 9.1 Saluran paip dan pendawaian hendaklah disembunyikan di belakang dinding, siling dan lantai.
- 9.2 Paip-paip dan pendawaian ini tidak boleh diletakkan di laluan pergerakan peralatan dan perabot.

10. Pemasangan Peralatan

- 10.1 Pemasangan apa – apa peralatan kepada siling, dinding ataupun lantai hendaklah dibuat dengan cara yang tidak merosakkan permukaan siling, dinding ataupun lantai tersebut.

11. Penyelenggaraan Kenderaan

- 11.1 Kenderaan hendaklah di selenggara dengan baik daripada segi kebersihan dan operasi dengan memastikan tiada kekotoran, bau dan lain pencemaran pada kenderaan.
- 11.2 Kenderaan perlu menjalani pemeriksaan berkala (6 bulan sekali) di Puspakom.

12. Pemeriksaan Kenderaan

- 12.1 Setiap pemilik perniagaan bergerak mestilah menghantar kenderaan untuk diperiksa daripada aspek kesihatan dan keselamatan sebelum diluluskan dari masa ke semasa seperti yang dikehendaki oleh pihak Majlis. Temu janji pemeriksaan perlulah dibuat kepada Pihak majlis.
- 12.2 Pemeriksaan rawak akan diadakan oleh pegawai – pegawai majlis dari masa ke semasa.

13. Iklan

13.1 Iklan pada badan kenderaan

- 13.1.1 Hanya iklan yang berkaitan perniagaan yang dipermittkan sahaja di benar dipaparkan di badan kenderaan, walaupun untuk maksud sementara bagi tujuan promosi, pengiklanan pihak ketiga ataupun penajaan korporat.
- 13.1.2 Mana-mana operator yang hendak berbuat demikian perlulah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa melesen dan JPJ.
- 13.1.3 Iklan yang tidak berkaitan dengan aktiviti Perniagaan Trak Makanan, Barang & Perkhidmatan adalah tidak dibenarkan sama sekali.

1. Undang-Undang Berkaitan

- a. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (AKTA 171)
- b. Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (AKTA 172)
- c. Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 (AKTA 133)
- d. UUK Pelesenan Tred Perniagaan & Perindustrian 2007
- e. UUK Establishment Makanan 2007
- f. UUK Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan 2013
- g. UUK Pengendali Makanan 2007
- h. UUK Iklan 2007 UUK Penjaja 2007
- i. Perintah Pengangkutan Jalan (peruntukan tempat letak kereta) 2007
- j. UUK Pemungutan, Pembuangan dan pelupusan sampah sarap 2007
- k. UUK Taman 2005
- l. Enakmen Hiburan Negeri Selangor 2003
- m. Lain-lain dasar, garis panduan, pekeliling, peraturan yang diguna pakai dari semasa ke semasa.

LAMPIRAN

Carta Alir Proses Permohonan

